

Mahathir tarik balik tuntutan muflis terhadap Anwar

JM 18 JAN 2003

KUALA LUMPUR 17 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menarik balik tuntutan muflis ke atas Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana gagal membayar kos setelah rayuan kes samannya terhadap Dr. Mahathir ditolak oleh Mahkamah Rayuan tahun lalu.

Peguam bekas Timbalan Perdana Menteri itu, S.N. Nair, dalam satu kenyataan hari ini memberitahu bahawa Anwar gembira apabila dimaklumkan oleh peguam mewakili Dr. Maha-

thir dari Tetuan Adnan Sundra & Low melalui surat bertarikh 6 Januari 2003. Notis pemberhentian tindakan bagi tuntutan muflis terhadap Anwar itu telah dibuat pada 27 Disember tahun lalu.

Menurut Nair, Anwar menerima surat mengenai perkara itu di Penjara Sungai Buloh pada 15 Januari lalu. Peguam itu menyatakan, Anwar dan keluarganya lega kerana Dr. Mahathir menarik balik tuntutan itu.

Pada 26 April tahun lalu, Anwar di-

perintah oleh Mahkamah Rayuan membayar kos RM35,381 kepada Dr. Mahathir setelah dia gagal dalam rayuannya terhadap keputusan Mahkamah Tinggi membatalkan saman RM100 juta terhadap Perdana Menteri.

Kes saman itu difailkan pada Januari 1999 oleh Anwar dengan mendakwa Dr. Mahathir menipu dan mempunyai niat jahat kerana menuduhnya melakukan perbuatan tidak bermoral, pada sidang media di Jabatan Perdana Menteri.